

12 MAR 1996

Anwar-Bakun

KERAJAAN TIDAK LEPAS TANGAN DALAM PROJEK BAKUN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak anggapan sesetengah pihak kononnya kerajaan sentiasa menurut apa saja cadangan syarikat swasta yang melaksanakan projek hidroelektrik Bakun.

Sebaliknya, kata Timbalan Perdana Menteri, kerajaan telah membentuk jawatankuasa khas dan satu pasukan petugas untuk menyelaras pelbagai aspek pelaksanaan projek selain melantik firma perunding kejuruteraan terkemuka dari Amerika Syarikat, Harza Engineering International, untuk membantu kerajaan membuat penilaian serta menyemak cadangan yang dikemukakan oleh Ekran Berhad, pemaju projek raksasa itu.

"Saya ingin tegaskan bahawa sementara syarikat bertanggungjawab (membina projek), ia tidak dibenarkan membuat apa-apa tindakan atau melaksanakan mana-mana peringkat projek sebelum mendapat persetujuan kerajaan," kata Anwar ketika merasmikan seminar mengenai projek itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Seminar sehari yang julung kali dianjurkan oleh Unit Perancangan Ekonomi itu bertujuan memberikan penerangan kepada pihak-pihak yang mempunyai kaitan dengan projek itu termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Anwar berkata sebuah Lembaga Penilaian Semula, dianggotai pakar-pakar terunggul di dunia dalam bidang berkenaan, juga telah ditubuhkan untuk memastikan pembinaan empangan itu berjalan dengan sempurna dan selamat.

Anwar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Bakun, turut mengumumkan kesimpulan yang dibuat oleh Lembaga Penilaian Semula itu dalam penilaian awal terhadap projek itu. Antaranya ialah kawasan itu sesuai daripada segi hidrologi, geologi dan topografi untuk satu pembangunan hidro yang besar.

Ia juga mendapati bahawa reka bentuk empangan serta kesesuaiannya dengan kedudukan batu di situ memungkinkan pembinaan sebuah empangan yang selamat manakala tata atur projek serta pemilihan struktur-struktur memenuhi kehendak keperluan sesebuah projek tenaga.

Anwar berkata lembaga itu juga membuat kesimpulan bahawa "soal gempa bumi bukan satu isu besar di tapak ini dan empangan berpemukaan batu konkrit ini mampu menahan beban gempa."

Ia juga mendapati tempoh enam tahun bagi pelaksanaan projek itu adalah berpatutan.

Anwar turut memberi penjelasan kepada kesangsian yang ditimbulkan oleh beberapa pihak bahawa pembinaan empangan bagi projek itu akan melibatkan tanah seluas 69,000 hektar atau sebesar pulau Singapura ditenggelami air.

"Kita harus insaf bahawa kita akan mewartakan kawasan tadahan seluas 1.5 juta hektar yang mungkin tidak diwujudkan sekiranya projek Bakun tidak dilaksanakan," katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan kawasan tadahan itu akan diuruskan dengan baik.

Mengenai masalah penempatan penduduk, Anwar berkata kerajaan tidak akan mengetepikan kepentingan mereka.

Katanya beliau mendapati skim penempatan semula penduduk yang dicadangkan oleh kerajaan Sarawak adalah memuaskan, sama ada daripada segi ganti rugi, pembinaan rumah atau kawasannya.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengunjungi Sarawak minggu ini, juga dijadual bertemu penduduk berkenaan.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudiannya, beliau berkata Ekran Berhad telah diminta supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang Persekutuan

dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam melaksanakan projek itu.

"Jika tidak tindakan akan diambil terhadapnya," kata beliau.

Syarikat itu juga diminta mengambil kira penggunaan kandungan tempatan bagi barang dan perkhidmatan dalam pelaksanaan projek itu. -- BERNAMA

AZZ MAI